






PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

# orang ramai guna pusat beli belah sebagai pertemuan Aidilfitri




DR. ADHAM BABA

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR 17 Mei 2021, 4:22 pm

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan melahirkan kebimbangan dengan sikap orang ramai yang menjadikan pusat beli-belah sebagai pertemuan Hari Raya Aidilfitri yang boleh mencetuskan jangkitan Covid-19 sehingga wujudnya kluster baharu.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, pihaknya sedia maklum perkara terbabit dan lokasi yang dijadikan pertemuan Aidilfitri akan tersenarai dalam sistem Hotspots Identification for Dynamic Engagement (HIDE).

“Tindakan terbabit dipercayai dilakukan selepas individu terbabit tidak dapat beraya ke rumah keluarga mereka kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

“Saya mengakui terdapat kelemahan apabila terjadinya perkara terbabit yang kita terlepas pandang dan kementerian bimbang dengan pertemuan pada 13, 14 dan 15 Mei lalu akan memperlihat kes bertambah ataupun tidak,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar mengenai perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bersama Menteri Penyelaras PICK yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin di sini hari ini.

Mengulas mengenai kontena khas sebagai tempat tambahan penyimpanan jenazah berkaitan kes Covid-19 di Hospital Sungai Buloh, Adham berkata, penyediaannya mengikut prosedur operasi standard (SOP) pengurusan mayat berkaitan Covid-19.

“Setiap kematian berkaitan Covid-19, prosesnya memerlukan siasatan lengkap, pengambilan sampel, proses menunggu keputusan dan perincian kontak rapat jenazah yang sememangnya mengambil masa.

“Atas faktor itu juga, kementerian memerlukan ruang yang lebih luas bagi membolehkan SOP berkaitan kes kematian

akibat Covid-19 dapat dilakukan secara teliti," katanya. – UTUSAN ONLINE

## BERITA SELANJUTNYA

by


Disimbah air kumbahan kerana berzina


Pemandu maut, kereta Audi terbabas langgar…


Wanita mati dalam kereta tunggu rawatan Covid-19

AD



Brands benefit from advertising in news…


7 kenderaan kemalangan sebelum susur tol…


Menyusahkan, tak takut dosa kah?


Polis 'singgah' rumah


Polis buka kertas siasatan


'Allah ambil dia pergi'- Ibu




## POPULAR



**Mahmoud Abbas adakan pertemuan dengan delegasi AS**

18 Mei 2021, 11:40 am



**PM ikhlas perjuang isu Palestin, tidak berniat alih tumpuan rakyat – Razali**

18 Mei 2021, 11:35 am



**Penduduk bina rumah untuk gelandangan**

18 Mei 2021, 11:30 am





**Polis terima laporan dan siasat kes Neelofa sambut raya**

18 Mei 2021, 11:29 am







Enjin jentera panas punca gagal – Hafizh

Bengang terus dikaitkan dengan Janna Nick, Sheila Rusly akhirnya buka mulut

Raja Syahiran enggan majlis kahwin kena kecam

Bekas model separuh masa dapat tempat tinggal

Kuasa vokal jadi taruhan Ara Johari

Salam perantauan Luar negara 18 Mei 2021

**BERITA BERKAITAN**



**PM ikhlas perjuang isu Palestin, tidak berniat alih tumpuan rakyat – Razali**

18 Mei 2021, 11:35 am



**Polis terima laporan dan siasat kes Neelofa sambut raya**

18 Mei 2021, 11:29 am





**Raya Siqma suram tanpa emak**

18 Mei 2021, 11:20 am




**Harimau Malaya dapat suntikan semangat**

18 Mei 2021, 10:45 am




Utusan Malaysia

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami